



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 81/2025

YB TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN RASMI SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2025

11 OKTOBER 2025

1. YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, hari ini merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Negeri Terengganu 2025 di Kompleks Sukan Negeri Terengganu.
2. Bertemakan “Malaysia Aktif”, sambutan tahun ini menekankan pendekatan inklusif dan mesra komuniti dengan penglibatan wanita, kanak-kanak, warga emas dan komuniti OKU. HSN bukan sekadar acara tahunan, tetapi merupakan wadah penyatuan komuniti serta manifestasi dan komitmen kerajaan dalam menjayakan agenda Malaysia MADANI selaras aspirasi Visi Sukan Negara 2030.
3. Secara umumnya, sambutan HSN di seluruh negara dijadualkan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Namun begitu, bagi negeri Sarawak, penganjuran HSN Peringkat Negeri dan Bahagian telah dijadualkan semula kepada 18 Oktober 2025 (Sabtu) bagi menghormati Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.
4. Sepanjang sambutan HSN negeri ini, pelbagai aktiviti dianjurkan antaranya Kayuhan MADANI 30 km, Larian Ria MADANI 5 km, Berjalan MADANI 3 km, Ping Pong Berpasukan, Cabaran Memanah 3D, Bowling Padang Veteran & OKU, Karnival Taekwondo, Kejohanan Tarik Tali Terbuka, Mr. Mat Katang dan KRONOS Terengganu Junior Cup.
5. Negeri Terengganu sejak dahulu lagi masyhur sebagai negeri yang kaya dengan bakat dan semangat juang yang luar biasa.
6. Negeri Terengganu kaya dengan bakat tempatan dan dikenali sebagai negeri pembekal atlet berprestasi, termasuk nama besar seperti Nazmizan Mohamad dan Dato' Azizulhasni Awang, serta kejayaan atlet

muda seperti Qabil Irfan Azlan, Muhammad Hakim Danish Ramli dan Izzatul Musfirah Ahmad Kamal Azira.

7. Justeru dalam usaha memperkukuh ekosistem sukan negeri, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memperuntukkan RM2.3 juta bagi lima projek pembangunan meliputi naik taraf dan projek baharu termasuk pembaikan lampu limpah Stadium Sultan Mizan, Litar Latihan MotoGP & Pocketbike, gelanggang sepak takraw di Tok Jiring serta pembinaan gelanggang futsal piawai FIFA dan gelanggang pickleball/padel di Gerbang Sukan Negeri Terengganu.
8. Inisiatif pembangunan ini bukan sahaja menambah baik kemudahan sukan, malah menyokong pembangunan komuniti dan ekonomi setempat serta memberi ruang kepada rakyat untuk bersukan secara aktif.
9. YB Adam Adli merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu, agensi kerajaan, rakan strategik, pihak swasta, NGO dan sukarelawan atas sokongan menjayakan HSN 2025. Beliau berharap semangat sukan ini terus disemarakkan sepanjang tahun untuk membentuk gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat.
10. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat HSN di talian 03-8871 3183/ 3242 atau e-mel hsn@kbs.gov.my. Selain itu, maklumat dan info berkaitan HSN juga boleh diakses menerusi portal harisukannegara.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

